



13 Ogos 2012  
13 August 2012  
P.U. (A) 254

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

### PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (KAEADAH MENGANALISIS MAKANAN HAIWAN DAN BENTUK PERAKUAN ANALISIS) 2012

*FEED (METHODS OF ANALYSIS OF FEED AND THE FORM  
OF CERTIFICATE OF ANALYSIS) REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN  
(KAEDEAH MENGANALISIS MAKANAN HAIWAN DAN BENTUK PERAKUAN ANALISIS)  
2012

---

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

---

Peraturan

1. Nama
2. Tafsiran
3. Kaedah menganalisis
4. Pengambilan dan penyerahan sampel
5. Uji semula sampel untuk pengesahan
6. Perakuan analisis

JADUAL

## AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

### PERATURAN- PERATURAN MAKANAN HAIWAN (KAEADAH MENGANALISIS MAKANAN HAIWAN DAN BENTUK PERAKUAN ANALISIS) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 53(2)(h) Akta Makanan Haiwan 2009 [Akta 698], Menteri, setelah berunding dengan Lembaga, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

#### **Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Kaedah Menganalisis Makanan Haiwan dan Bentuk Perakuan Analisis) 2012.**

#### **Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“makmal yang ditetapkan” ertinya makmal yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 33 Akta.

#### **Kaedah menganalisis**

3. (1) Makmal yang ditetapkan hendaklah menggunakan suatu kaedah ujian yang diakreditasi.

(2) Jika tiada kaedah ujian yang dinyatakan di bawah subperaturan (1), kaedah ujian yang standard hendaklah digunakan.

#### **Pengambilan dan penyerahan sampel**

4. Bagi maksud analisis, seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah mengambil sampel apa-apa makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan mengikut seksyen 32 Akta dan hendaklah menyerahkan sampel tersebut ke makmal yang ditetapkan dalam keadaan seperti berikut:

- (a) menggunakan borang penyerahan sampel dalam Borang 1;
- (b) menandakan sampel dengan butir-butir seperti yang berikut:
  - (i) nombor pengenalan sampel;
  - (ii) saiz sampel, seperti yang ditetapkan dalam seksyen 36 Akta;
  - (iii) tarikh dan masa sampel diambil; dan
  - (iv) nama dan tandatangan pegawai diberi kuasa;
- (c) mengelak sampel dengan betul; dan
- (d) menghantar sampel secara sendiri atau melalui pegawai diberi kuasa yang lain.

#### **Uji semula sampel untuk pengesahan**

5. Pemilik makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan boleh memohon kepada juruanalisis daripada mana-mana makmal yang ditetapkan yang lain untuk uji semula sampel di bawah peraturan 4 menggunakan Borang 2.

#### **Perakuan analisis**

- 6. (1) Perakuan bagi sesuatu keputusan analisis hendaklah dalam Borang 3.
- (2) Salinan perakuan analisis yang dibuat di bawah Peraturan ini atau pengeluaran semula baginya tidak boleh dipamerkan atau digunakan sebagai iklan.
- (3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (2) melakukan kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

## JADUAL

BORANG 1  
[perenggan 4(1)(a)]

BAMH 53(2)(h)01

## AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN  
(Kaedah Menganalisis Makanan Haiwan dan Bentuk Perakuan Analisis) 2012

**PENYERAHAN SAMPEL UNTUK ANALISIS**

No. Rujukan: .....

Kepada,

Juruanalisis,

.....  
.....  
.....

**Penyerahan Sampel Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan untuk Analisis di bawah Akta Makanan Haiwan 2009 dan Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Kaedah Menganalisis Makanan Haiwan dan Bentuk Perakuan Analisis) 2012**

Butiran berikut bagi sampel dengan ini diserahkan untuk dianalisis—

Nombor pengenalan sampel	Tarikh dan masa diambil	Jenis sampel	Saiz sampel (berat/kuantiti)	Bentuk fizikal

2. Sampel diserahkan untuk tujuan .....

.....  
(jenis analisis).

Tarikh: ..... Tandatangan: .....  
Nama pegawai Diberi Kuasa: .....

Saya, yang menandatangan di bawah ini telah menerima sampel makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang tersebut di atas untuk dianalisis di bawah Akta Makanan Haiwan 2009 atau Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Kaedah Menganalisis Makanan Haiwan dan Bentuk Perakuan Analisis) 2012.

Tarikh dan masa: ..... Tandatangan: .....  
Nama Juruanalisis: .....